

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH

(BUKIT GELUGOR)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2015

Y.B. TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor-faktor yang menentukan harga petrol dan usaha-usaha Kerajaan untuk menyeragamkan harga petrol domestik dan harga petrol pasaran dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan mekanisme pengapungan secara terkawal (*managed float*) mulai 1

Disember 2014. Dengan pelaksanaan mekanisme ini, Kerajaan telah memastikan bahawa harga runcit berada pada paras harga pasaran dunia dan turun-naik harga tersebut diumumkan pada setiap 1hb setiap bulan. Harga petrol banyak bergantung kepada kos sebenar produk yang telah siap diproses (*refined product*) di samping kadar tukaran matawang asing. Melalui pelaksanaan *managed float* ini, rakyat dapat menikmati harga petrol yang setara dengan harga pasaran dunia yang mana apabila harga pasaran dunia turun, harga runcit di Malaysia juga turun seperti yang telah kita alami di awal tahun 2015.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN : 65

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mempertingkatkan kawal selia dan pemantauan khusus dalam aspek penyelenggaraan helikopter milik persendirian mahupun swasta agar perkhidmatan yang disediakan benar-benar selamat untuk digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA) selaku badan kawal selia industri penerbangan awam sentiasa melaksanakan pemantauan secara berterusan, audit teknikal secara berkala dan pemeriksaan pesawat ke atas aspek penyelenggaraan helikopter milik persendirian mahupun swasta agar perkhidmatan yang disediakan selamat digunakan.

Dalam pada itu, bagi mempertingkatkan lagi kawal selia dan pemantauan ke atas aspek penyelenggaraan helikopter ini, pihak DCA akan meneliti dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap cadangan-cadangan keselamatan (*safety recommendations*) yang akan dikeluarkan berdasarkan kepada hasil siasatan insiden kemalangan helikopter yang berlaku di Semenyih baru-baru ini.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA (SUBANG)

TARIKH : 15 JUN 2015, ISNIN

SOALAN : 66

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah matlamat Kementerian menjalankan pelajaran Cambridge Level mengikut sukatan pelajaran GCE di United Kingdom dalam bahasa Inggeris di beberapa Maktab Sains Rendah MARA.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Matlamat sistem pendidikan MRSM-International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) dilaksanakan untuk menambah nilai (*value-add*) sistem pendidikan MRSM sedia ada iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan Sijil Cambridge IGCSE. IGCSE adalah sijil pendidikan menengah yang ditawarkan oleh Cambridge International Examination (CIE). CIE adalah organisasi di bawah University of Cambridge, United Kingdom yang merupakan universiti tersohor di dunia.

Program ini merupakan usaha MARA untuk meningkatkan penyertaan pelajar MRSM bagi menyahut cabaran pendidikan global seiring dengan moto MARA iaitu 'Keusahawanan dan Pendidikan Global'.